


KENYATAAN RFP (REQUEST FOR PROPOSAL)

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRTC"), ingin mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian di dalam RFP bagi pakej perkhidmatan yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN RFP		TAKLIMAT RFP (BUKAN MANDATORI)	
	SYARIKAT TEMPATAN	SYARIKAT ASING		
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR INDEPENDENT VERIFICATION & VALIDATION (IV&V) CONSULTANT FOR RECONDITION OF MRT KAJANG LINE ELECTRIC TRAIN</p> <p>RFP NO.: RFP/PD/Q44-2023 (R1)</p>	<p>Memiliki sijil pendaftaran yang sah daripada :</p> <p>a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>Dan</p> <p>b) Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) di bawah <i>Engineering Consultant Practice (ECP)</i>;</p>	<p>Memiliki Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan</p>	<p>Tarikh : Rabu, 24 Julai 2024 Masa : 10.30 pagi (Waktu Malaysia) Melalui : Aplikasi Zoom (Dalam Talian)</p> <p>Semua Pembida yang berminat untuk menyertai RFP ini dikehendaki untuk melengkapkan pra-pendaftaran bermula dari Sabtu, 20 Julai 2024 sehingga Khamis, 1 Ogos 2024 secara atas talian melalui salah satu pautan di bawah:</p> <p>1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; 2. https://forms.gle/baZ4HoN6LppCBCVP6; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</p> <p>Pembida di galakkan untuk menghadiri Taklimat RFP ini. Pembida yang disenarai pendek dan memenuhi syarat RFP, akan menerima pautan pengenalan Zoom untuk menghadiri taklimat ini secara dalam talian</p>	<p>Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran</p> 
KRITERIA MANDATORI				
KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL			KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	
<p>i. Pembida hendaklah mempunyai pengalaman seperti berikut:</p> <p>a) Menawarkan perkhidmatan perunding di dalam projek sistem rel, luar atau dalam Malaysia dengan nilai Fi kontrak sekurang-kurangnya RM 4 juta dalam tempoh 15 tahun yang lalu;</p> <p>b) Menawarkan perkhidmatan perunding berkaitan dengan kerja-kerja membaik pulih dan pengubahsuaian tren elektrik (ET); dan</p> <p>c) Menawarkan khidmat pensijilan dalam mengiktiraf dan mengesahkan penilaian penyelenggaraan/ baikpulih/ pembaharuan/ pengujian dan pentauliahan tren elektrik.</p> <p>ii. Pengalaman yang dimiliki samaada seperti:</p> <p>a) Untuk entiti tunggal – oleh Pembida itu sendiri; atau</p> <p>b) Untuk Rakan Usaha Sama (JV)/Konsortium – sekurang-kurangnya satu syarikat di dalam JV/Konsortium.</p> <p>iii. Pembida (samaada entiti tunggal atau sekurang-kurangnya satu rakan dalam JV/Konsortium) hendaklah merupakan badan pensijilan yang diakreditasi oleh organisasi yang berkaitan di Eropah.</p>			<p>i. Pembida mestilah memiliki aset ketara bersih (<i>Net Tangible Asset</i>) yang positif di dalam penyata kewangan terkini yang telah diaudit.</p>	

Dokumen RFP akan diberikan kepada syarikat yang menyertai tanpa sebarang bayaran selepas sesi taklimat RFP melalui alamat e-mel yang didaftarkan dan tarikh serahan RFP adalah pada **Isnin, 26 Ogos 2024**. Kesemua maklumat yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan Dokumen RFP tidak akan diterima.

Nota:

- Pembida adalah dibenarkan untuk menubuhkan tidak lebih daripada tiga (3) syarikat JV/Konsortium. Syarikat asing dibenarkan untuk menyertai RFP ini dengan membentuk rakan JV/Konsortium bersama syarikat tempatan.
- Rakan kongsi utama JV/Konsortium hendaklah merupakan sebuah syarikat tempatan dan memegang ekuiti terbesar di dalam JV/Konsortium tersebut.
- Sesebuah syarikat hanya boleh ditakrifkan sebagai syarikat tempatan sekiranya 70% (atau lebih) saham adalah dimiliki oleh warganegara Malaysia.
- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau JV/ Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan secara JV/Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian JV/Konsortium. Perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan JV/Konsortium dan juga klausa "*Jointly and Severally Liable*" ke atas semua rakan JV/Konsortium tersebut. Pembida dilarang untuk menukar rakan kongsi JV/Konsortium selepas tarikh tutup penyerahan RFP.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my.